

## BAB 3: TAMADUN AWAL ASIA TENGGARA

### Hasil Pembelajaran

Pada akhir pelajaran ini, murid-murid akan dapat;

### Memahami perkembangan kerajaan awal di Asia Tenggara

#### Aras 1

- Menyatakan bentuk-bentuk kerajaan awal di Asia Tenggara
- Menyenaraikan ciri-ciri kerajaan agraria
- Menyenaraikan ciri-ciri kerajaan maritim

#### Aras 2

- Membandingkan kerajaan agraria dengan kerajaan maritim
- Membincangkan aspek saling bergantung antara kerajaan agraria dan kerajaan maritim

#### Aras 3

- Menghubungkan kedudukan geografi kerajaan Angkor dan Srivijaya dengan kegiatan ekonomi
- Menjelaskan kepentingan mempertahankan kedaulatan negara

1. a. Nyatakan contoh-contoh tamadun awal yang wujud di Asia Tenggara. (Rujuk Buku Teks m.s: 72)
  - Tanah Besar Asia Tenggara
    - Funan, Chenla, Angkor, Sukhotai dan Ayuthia.
  - Kepulauan Asia Tenggara
    - Tanah Melayu (Kerajaan Kedah Tua, Gangga Negara dan Langkasuka)
    - Kepulauan Indonesia (Kerajaan Srivijaya, Majapahit, Singhasari dan Mataram)
- b. Berikan bukti-bukti kewujudan tamadun awal di Asia Tenggara. (Rujuk Buku Teks m.s: 73-74)
  - Sumber bertulis dan artifak arkeologi.  
Sumber dari China membuktikan bahawa Funan ialah kerajaan terawal di Asia Tenggara yang berkemungkinan telah wujud semenjak abad kedua Masihi. Data arkeologi pula menunjukkan bahawa kewujudan Funan bermula semenjak abad ketiga Masihi. Ini dibuktikan dengan jumpaan seni arca berunsur Hindu dan Buddha yang langgamnya dipengaruhi oleh langgam seni arca Amravati dari India.
  - Zaman Logam.  
Artifak gendang gangsa Dongson yang dihasilkan di Dongson, Vietnam Utara, turut ditemui di Batu Buruk, Besut, Terengganu; Sungai Tembeling (Pahang); Sungai Klang (Selangor); Thailand, Indonesia dan Myanmar.  
Artifak manik yang dijumpai di Kuala Selinsing (Perak), di Kota Tinggi dan Muar (Johor), di pantai barat dan selatan Thailand.

2. a. Apakah yang dimaksudkan “Kerajaan Agraria.”? (Rujuk Buku Teks m.s. 75)
- Kerajaan yang menjalankan kegiatan ekonomi berasaskan pertanian, penternakan dan pemungutan hasil hutan dan sungai. Terbentuk di kawasan pertanian yang subur seperti lembah sungai.
- b. Terangkan aktiviti ekonomi masyarakat dalam Kerajaan Agraria. (Rujuk Buku Teks m.s. 75 - 76)
- Tanaman Padi.  
Padi sawah (lembah sungai), padi huma (kawasan tanah tinggi dan bukit – kurang mendapat bekalan air).
  - Tanaman sampingan – jagung, pisang, keledak, sayur-sayuran.
  - Rempah – cengkih, lada hitam.
  - Pengumpulan hasil hutan – kayu gaharu, kapur barus, tanduk, gading, damar, kayu cendana, dan pelbagai jenis buah-buahan.
  - Menangkap ikan di sawah, paya dan sungai.
  - Mendapatkan kulit kura-kura.
  - Menternak binatang – lembu, kerbau, kambing dan ayam.
- c. Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kemajuan aktiviti pertanian dalam masyarakat Agraria ini. (Rujuk Buku Teks m.s. 76 - 77)
- Pembinaan sistem pengairan yang baik. Contohnya, perkembangan pertanian di Funan dan Angkor yang memperolehi sumber air dari Sungai Mekong dan Tasik Tonle Sap.
  - Raja sendiri terlibat dalam pembinaan sistem pengairan. Contohnya, Raja Indravarman I (877 M). Beliau membina sistem pengairan dan *baray* yang mampu mengairi tanah seluas 12.5 juta ekar. Kesannya, hasil pengeluaran padi dari kawasan tersebut telah dapat menampung keperluan beras kerajaan Angkor.
- d. Berikan contoh-contoh Kerajaan Agraria yang terdapat di Asia Tenggara. (Rujuk Buku Teks m.s. 75)
- Kerajaan Dvaravati di Sungai Menam (Thailand) dan Sungai Irrawaddy (Myanmar); Kerajaan Sungai Merah (Vietnam); Kerajaan Sungai Mekong (Kemboja, Laos dan Vietnam); Kerajaan Taruma di Tanah Tinggi Dieng (Indonesia). Kerajaan Sailendra (Jawa Tengah), Angkor (Kemboja) dan Sukhotai (Thailand).
- e. Apakah iktibar yang boleh diambil daripada masyarakat Agraria ini? (Rujuk Buku Teks m.s. 77)
- Kita juga boleh maju sekiranya mampu memanfaatkan setiap kurniaan Tuhan dengan sebaik-baik mungkin dan yang penting kita perlu berusaha dan jangan mudah berputus asa.

3. a. Apakah yang dimaksudkan “Kerajaan Maritim.”? (Rujuk Buku Teks m.s. 75)
- Kerajaan yang menjalankan kegiatan ekonomi berasaskan perdagangan dan kelautan serta berfungsi sebagai pelabuhan. Kerajaan ini terletak berhampiran dengan kawasan di pesisir pantai, lembah sungai dan kepulauan.
- b. Terangkan aktiviti ekonomi masyarakat dalam Kerajaan Maritim. (Rujuk Buku Teks m.s. 78 - 79)
- Peringkat awal, masyarakat menjalankan kegiatan menangkap ikan dan memungut hasil laut. Petempatan ini kemudian berkembang menjadi perkampungan nelayan. Apabila kegiatan ekonomi mereka membawa hasil yang melebihi keperluan masyarakat setempat, maka lebihan ini telah diperdagangkan di kalangan petempatan tersebut. Akhirnya kawasan tersebut menjadi pelabuhan pembekal.
  - Pelabuhan pembekal mendapat bekalan hasil tempatan seperti emas, timah, hasil hutan (kayu gaharu, rotan, damar, hasil hutan) dan makanan. Pelabuhan ini disinggahi oleh para pedagang yang mahu mendapatkan bekalan tersebut. Contohnya, Jenderam Hilir dan Klang (Selangor), Kuala Berang (Terengganu), Kuala Selinsing (Perak).
  - Pelabuhan kerajaan seperti Champa, Kedah Tua, Langkasuka dan Srivijaya. Kerajaan ini masih berperanan sebagai pelabuhan pembekal dan tempat berdagang. Pada awalnya, pelabuhan ini berdagang dengan kawasan yang berhampiran.
  - Pelabuhan entrepot. Kawasanya terletak di kedudukan perdagangan yang amat strategik seperti Kedah Tua dan Srivijaya yang terletak di Selat Melaka dan Selat Sunda. Ia berada di laluan perdagangan di antara China dan India. Pelabuhan ini memperdagangkan hasil buminya dan hasil dari kerajaan lain yang dibekalkan kepadanya. Pedagang asing tertarik untuk singgah di pelabuhan ini. Kesannya, Tanah Melayu dan Sumatera dikenali sebagai Suvarnavipa (Semenanjung Emas) dan Suvarnabhumi (Bumi Emas).
  - Penduduk terdiri daripada orang tempatan, orang laut dan pedagang luar.
- c. Jelaskan faktor-faktor yang mempengaruhi kemajuan aktiviti perdagangan dalam masyarakat Maritim ini. (Rujuk Buku Teks m.s. 80)
- Bahasa Melayu dijadikan sebagai bahasa perhubungan atau lingua franca. Dituturkan secara meluas dan digunakan dalam pelbagai urusan termasuk urusan perdagangan.

- Pelabuhan yang lengkap dengan pelbagai kemudahan dan kedudukannya yang strategik. (Contohnya Kerajaan Kedah Tua). Terlindung daripada tiupan angin monsun barat daya dan timur laut, adanya Gunung Jerai yang menjadi panduan kapal pedagang yang keluar masuk terutamanya pada waktu malam melalui nyalaan api, adanya kemudahan tempat menyimpan barang dagangan dan kekayaan hasil hutan dan sumber bumi.
  - Semangat masyarakat untuk meneroka dan berdagang dengan masyarakat di luar kawasanya. Mereka mahir membuat perahu (digunakan untuk perdagangan jarak dekat) dan kapal layar (digunakan untuk perdagangan jarak jauh). Mereka juga mengetahui kaedah untuk menuju ke sesuatu tempat berpandukan bintang di langit.
  - Memiliki bala tentera laut yang besar dan dianggotai oleh pelbagai golongan rakyat termasuk orang laut. Tentera laut ini berfungsi untuk mengawal perdagangan di Selat Melaka dan mengawal keselamatan kerajaan. (contohnya, Kerajaan Srivijaya).
- d. Berikan contoh-contoh Kerajaan Maritim yang terdapat di Asia Tenggara. (Rujuk Buku Teks m.s. 78)
- Kerajaan Srivijaya di Sungai Musi,
  - Kerajaan Kedah Tua di Sungai Merbok dan Sungai Muda,
  - Kerajaan Tiumah di Pulau Tioman (Pahang).
  - Langkasuka di Sungai Yarang,
  - Chih-tu di Sungai Kelantan,
  - Mo-lo-yu di Sungai Batang Hari,
  - Kalah di Sungai Takuapa,
  - Fo-lo-an di Sungai Terengganu,
  - Peng-keng di Sungai Pekan, Pahang.
- e. Apakah iktibar yang boleh dipelajari daripada masyarakat Maritim ini? (Rujuk Buku Teks m.s: 80)
- Kita harus mempunyai semangat meneroka agar aktiviti ekonomi dapat dipelbagaikan.
  - Kita harus berani menceburi bidang perdagangan laut dan bercita-cita menghidupkan kembali kegiatan dan kegemilangan lampau dalam bidang pelayaran dan perdagangan maritim.

### Hasil Pembelajaran

Pada akhir pelajaran ini, murid-murid akan dapat;

### Memahami pengaruh agama Hindu dan Buddha dalam kerajaan awal di Asia Tenggara Aras 1

- Menyatakan cara kedatangan agama Hindu dan Buddha ke Asia Tenggara
- Menyatakan ciri-ciri Hindu-Buddha dalam kerajaan awal di Asia Tenggara

### Aras 2

- Menghuraikan pengaruh Hindu-Buddha dalam pemerintahan dan pentadbiran
- Menjelaskan dengan contoh pengaruh Hindu-Buddha dalam kesusasteraan dan kesenian

### Aras 3

- Mewajarkan monumen perlu dikekalkan sebagai khazanah negara

4. a. Terangkan cara-cara kedatangan pengaruh Hindu dan Buddha ke Asia Tenggara. (Rujuk Buku Teks m.s. 84)

Pendapat sejarawan tentang kedatangan pengaruh Hindu dan Buddha ke Asia Tenggara :-

1. Dibawa oleh golongan Ksatria atau tentera. Dibawa dan disebarkan oleh golongan penakluk dari India yang membentuk tanah jajahan takluk di Asia Tenggara.
2. Dibawa oleh golongan pedagang atau vaisya.
3. Dibawa oleh golongan Brahmin atau pendeta.
4. Proses ini berlaku melalui pengambilan aspek-aspek kebudayaan India yang menarik sahaja dan kemudian disesuaikan dengan budaya tempatan untuk diamalkan. Sejarawan lebih menerima pendapat keempat ini (jumpaan seni arca yang kasar yang mempunyai langgam bercirikan Asia Tenggara khususnya, seperti arca dengan ikatan tali kulit harimau yang hanya ditemui di Srivijaya).

- b. Jelaskan pengaruh Hindu dan Buddha dalam sistem pemerintahan kerajaan awal di Asia Tenggara. (Rujuk Buku Teks m.s. 85 - 86)

1. Gelaran raja. Gelaran ini hanya mula digunakan apabila muncul kerajaan awal yang dipengaruhi oleh sistem beraja di India. Raja berada di puncak pemerintahan. Di bawahnya terdapat kerabat diraja, dan selepas itu, pembesar, termasuk ahli agama, iaitu Brahmin. Kemudian terdapat pula rakyat daripada pelbagai golongan dan yang paling bawah ialah hamba. Raja berkuasa mutlak dalam semua aspek pemerintahan yang meliputi pentadbiran, hubungan luar, ketenteraan dan khazanah negara. Perintah raja menjadi undang-undang yang wajib dilaksanakan. Sesiapa yang melanggar perintah bermakna mereka menderhaka dan tidak akan diampunkan. Raja dikehendaki adil terhadap golongan yang diperintah.
2. Konsep dewa-raja. Raja merupakan bayangan Tuhan. Rakyat takut untuk menderhaka kepada Raja walau pun raja tidak berlaku adil. Raja Tuhan atau dewa-raja dipercayai mempunyai kesaktian.

3. Adat istiadat pertabalanan raja. Upacara ini dipimpin oleh golongan Brahmin tanpa mengira sama ada raja tersebut menganut agama Hindu atau Buddha. Tujuan adat istiadat ini adalah untuk membezakan kedudukan raja daripada golongan yang diperintah.
  4. Orde kosmos. Raja berkuasa terhadap seluruh alam semesta. Negara dianggap sebagai suatu alam semesta. Sehubungan itu, raja dan ibu kotanya ialah pusat alam dan pusat pemerintahan. Raja bertanggungjawab untuk mengatur kesejahteraan negara dan rakyat selaras dengan Dharma. Contohnya Raja Suryavarman II, pemerintah Kerajaan Angkor telah membina Angkor Wat.
- c. Huraikan pengaruh Hindu dan Buddha dalam kesenian dan kesusasteraan. (Rujuk Buku Teks m.s: 88-94)
1. Seni bina iaitu monumen. Monumen ialah binaan atau bangunan yang dibuat daripada batu dengan tujuan memperingati orang ternama atau peristiwa penting. Monumen ini boleh berupa candi, iaitu kuil, wat atau stupa, arca dan patung.
    - Candi.  
Monumen keagamaan bagi agama Hindu dan Buddha.  
Berperanan sebagai rumah ibadat,  
tempat menyimpan abu jenazah raja dan keluarganya,  
tempat menyimpan patung dewa utama bagi sesebuah kerajaan awal,  
lambang kepada keagungan seseorang pemerintah berdasarkan kehebatan seni binanya.  
Angkor Wat dan Candi Borobudur melambangkan orde kosmos.  
Candi yang terkenal di Asia Tenggara ;  
Candi Dieng (6 M), Candi Borobudur (8 M), Candi Prambanan (9 M) di Indonesia,  
Angkor Wat (12 M) di Kemboja,  
Candi Chaiya dan Yarang (antara 7 – 13 M) di Thailand,  
Candi di Lembah Bujang (antara 5 – 13 M) di Kedah.
    - Patung.  
Patung Avalokitesvara merupakan patung agama Buddha,  
Patung dewa Visnu, Siva, Brahma, Durga dan Lingga merupakan patung agama Hindu.  
Patung lain ialah Drawapala dan Nandiswara yang menjaga candi daripada dimasuki oleh roh jahat.  
Gaya seni bina arca dan patung ini menunjukkan adunan dua tamadun iaitu India dan Asia Tenggara.
    - Batu Bersurat.  
Banyak terdapat di tapak-tapak sejarah awal di Asia Tenggara yang mengandungi maklumat tentang agama, pemerintahan, raja dan undang-undang.

Antara Batu bersurat yang dijumpai ialah

- Di Kutei, – menjelaskan tentang keturunan raja.
- Di Sungai Mas, Kedah Tua – berkaitan dengan agama Buddha.
- Di Palembang – ditulis dalam bahasa Melayu kuno. Berkaitan dengan pemerintahan dan amaran raja kepada rakyat dan pembesar agar tidak menderhaka kepada raja.

2. Bahasa dan tulisan Sanskrit.

Meningkatkan pencapaian dalam bidang intelek masyarakat.

Bahasa keagamaan, bahasa ilmu dan komunikasi kerajaan awal di Asia Tenggara.

Banyak perkataan Sanskrit masih kekal terdapat dalam bahasa Melayu dengan mengalami penyesuaian seperti;

Bahasa Sanskrit	Bahasa Melayu
dosa	dosa
dukka	duka
dorhaka	derhaka
manusa	manusia
phala	pahala
rupa	rupa
samsara	sengsara
aksara	huruf

3. Bidang kesusasteraan.

Epik *Ramayana*, *Mahabharata* dan *Puranas* menyumbang kepada unsur mitos yang terdapat dalam kesusasteraan klasik Asia Tenggara. Seperti dalam puisi dan prosa Jawa – *Nagarakertagama*, *Sutasoma*, *Arjunwiwaha*, dan *Kunjarkarna*. Daripada *Mahabharata* lahir karya seperti *Hikayat Pendawa Lima*, *Hikayat Pendawa Jaya* dan *Hikayat Sang Samba*.

Manakala daripada epik *Ramayana* lahir *Hikayat Seri Rama*.

**“Maka hendaklah mereka tertawa sedikit dan menangis dengan banyak”  
(Surah at-Taubah, ayat 82)**

**“Dan janganlah kamu banyak ketawa kerana banyak  
ketawa itu mematikan hati”  
(Hadis riwayat Ahmad dan at-Tarmizi)**